

SOALAN YANG SERING DITANYA
“PB e-Deposit Tetap (PB eFD)”

1. Apakah PB e-Deposit Tetap?

PB e-Deposit Tetap (selepas ini dirujuk sebagai “PB eFD”) ialah Deposit Tetap (DT) tanpa kertas yang boleh diletakkan dan dikeluarkan melalui PBe (www.pbebank.com). Tiada resit Deposit Tetap dalam bentuk fizikal akan dikeluarkan bagi peletakan PB eFD. Apabila peletakan berjaya dibuat, Slip Peletakan/Pembaharuan PB eFD akan dikeluarkan yang mengandungi butiran peletakan tersebut.

2. Adakah PB eFD produk deposit konvensional (bukan produk Islam)?

Ya, PB eFD ialah produk Deposit Tetap konvensional.

3. Apakah manfaat PB eFD?

Lihat bagaimana tunai anda bertambah dan peroleh kadar faedah kompetitif.

PB eFD menawarkan kepada anda:

- a) Kemudahan - anda boleh memohon akaun PB eFD dan menjalankan urusan Deposit Tetap di mana-mana melalui PBe.
- b) Peletakan dibuat pada masa nyata.
- c) Peletakan minimum yang rendah bermula daripada RM1,000.
- d) Pembaharuan automatik untuk kemudahan anda.
- e) Bayaran faedah bulanan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa atau Akaun Simpanan anda secara automatik.
- f) Penjagaan alam sekitar dengan penyata yang tidak menggunakan kertas.
- g) Kemudahan yang menyenangkan.

4. Siakah yang layak untuk membuka akaun PB eFD?

PB eFD dibuka kepada individu berumur 18 tahun dan ke atas dan empunya tunggal yang mempunyai akaun PBe sedia ada. Pelanggan perlu mempunyai Akaun Semasa atau Akaun Simpanan peribadi konvensional untuk membuka akaun PB eFD.

5. Bagaimana untuk membuka PB eFD?

Akaun PB eFD hanya boleh dibuka melalui PBe. Pelanggan perlu memilih Akaun Semasa atau Akaun Simpanan (CASA yang Ditetapkan) peribadi konvensional semasa membuka akaun PB eFD. CASA yang Ditetapkan akan dirangkaikan kepada akaun PB eFD untuk tujuan peletakan/pengeluaran/pengkreditan faedah. Urus niaga di kaunter adalah tidak dibenarkan.

6. Bolehkah saya membuka akaun PB eFD bersama?

Tidak boleh. Akaun bersama tidak boleh digunakan untuk akaun PB eFD.

7. Bolehkah saya membuka lebih daripada satu (1) akaun PB eFD?

Ya. Anda boleh membuka lebih daripada satu (1) akaun PB eFD sekiranya anda mempunyai lebih daripada satu (1) CASA yang Ditetapkan. Setiap CASA yang Ditetapkan hanya boleh dirangkaikan kepada satu (1) akaun PB eFD.

8. Apakah amaun peletakan minimum dan maksimum PB eFD?

Amaun peletakan minimum ialah RM1,000 dan tiada amaun peletakan maksimum.

9. Apakah tempoh dan kaedah bayaran faedah yang disediakan?

Tempoh	Bayaran Faedah
1 – 12 bulan	<ul style="list-style-type: none">• Kredit dalam CASA yang Ditetapkan* setiap bulan; atau• Kredit dalam CASA yang Ditetapkan* apabila matang; atau• Tambah kepada amaun pokok apabila matang
13-24, 36, 48 and 60 bulan	<ul style="list-style-type: none">• Kredit dalam CASA yang Ditetapkan* setiap bulan

*CASA yang Ditetapkan ialah sumber dana bagi peletakan PB eFD.

10. Bilakah tarikh kuat kuasa peletakan PB eFD melalui PBe?

Pada hari peletakan dibuat.

11. Adakah waktu takat bagi urus niaga PB eFD termasuk peletakan dan pengeluaran?

Ya. Semua urus niaga PB eFD hanya boleh dibuat antara pukul 6 pagi hingga 12 tengah malam.

12. Bolehkah saya meneruskan dan membatalkan peletakan PB eFD saya dan menerima wang saya pada hari yang sama?

Ya. Bagaimanapun, urusan niaga peletakan dan pengeluaran pada hari berkenaan tidak akan ditunjukkan dalam penyata suku tahunan PB eFD.

13. Bolehkah saya menukar kaedah pembayaran faedah sebelum peletakan PB eFD saya matang?

Tidak boleh.

14. Bagaimana untuk mengeluarkan PB eFD saya selepas ia matang?

Anda boleh membuat pengeluaran melalui PBe. Perolehan daripada PB eFD yang dikeluarkan melalui PBe itu akan dikreditkan ke dalam CASA yang Ditetapkan yang dipilih semasa akaun PB eFD dibuka. CASA yang Ditetapkan itu akan dirangkaikan kepada akaun PB eFD untuk tujuan peletakan/pengeluaran/pengkreditan faedah. Urusan niaga di kaunter adalah tidak dibenarkan.

15. Bolehkah saya mengeluarkan PB eFD saya sebelum ia matang?

Boleh. Butirannya adalah seperti yang berikut:

Tempoh	Pengeluaran pramatang
1, 2 and 3 bulan	<ul style="list-style-type: none">• Tertakluk pada peruntukan dalam "<u>Jadual 1</u>" bersama-sama ini, yang berikut akan diterima pakai:<ul style="list-style-type: none">a) Tiada faedah akan dibayar bagi peletakan yang dikeluarkan sebelum matang.b) Bagi pemegang Akaun yang memilih untuk pengkreditan faedah secara bulanan dalam CASA yang Ditetapkan, faedah bulanan yang telah dikreditkan akan ditolak daripada akaun pokok sebelum perolehan daripada pengeluaran itu dikeluarkan dalam CASA yang Ditetapkan yang dipilih semasa PB eFD dibuka. CASA yang Ditetapkan akan dirangkaikan kepada akaun untuk tujuan peletakan, pengeluaran dan pengkreditan faedah.

15. Bolehkah saya mengeluarkan PB eFD saya sebelum ia matang? (sambungan)

Tempoh	Pengeluaran pramatang
Melebihi 3 bulan	<ul style="list-style-type: none"> • Tertakluk pada peruntukan dalam "<i>Jadual 1</i>" bersama-sama ini, yang berikut akan diterima pakai: <ul style="list-style-type: none"> a) Tiada faedah akan dibayar bagi PB eFD yang dikeluarkan sebelum berakhirnya tempoh 3 bulan. Bagi PB eFD yang dikeluarkan sebelum matang, selepas berakhirnya tempoh 3 bulan, faedah akan dikira dan dibayar separuh (1/2) daripada kadar terkontrak asal bagi setiap bulan penuh. b) Bagi pemegang Akaun yang memilih untuk pengkreditan faedah secara bulanan ke dalam CASA yang Ditetapkan, Bank akan menolak amaun perbezaan di antara kadar pengeluaran sebelum matang dengan kadar terkontrak asal dengan menolak perbezaan tersebut daripada amaun pokok sebelum perolehan daripada pengeluaran itu dikeluarkan dalam CASA yang Ditetapkan.

Jadual 1

Mulai 1 Januari 2019, tiada faedah akan dibayar bagi pengeluaran pramatang PB eFD yang diletakkan atau diperbaharui pada atau selepas 1 Mei 2018.

Dari segi ilustrasi, bayaran faedah itu, jika ada, adalah seperti yang berikut:

Tarikh Peletakan atau Pembaharuan	Tarikh Pengeluaran Pramatang	Pembayaran Faedah
Sebelum 1 Mei 2018	Sebelum 1 Januari 2019	<ul style="list-style-type: none"> • Faedah tidak akan dibayar bagi PB eFD yang dikeluarkan sebelum genap 3 bulan. • Bagi PB eFD yang dikeluarkan sebelum matang, selepas genap 3 bulan, faedah akan dikira dan dibayar separuh (1/2) daripada kadar berkontrak asal bagi setiap bulan penuh.
	Mulai 1 Januari 2019	
Mulai 1 Mei 2018	Sebelum 1 Januari 2019	Tiada faedah akan dibayar.
	Mulai 1 Januari 2019	

16. Adakah pengeluaran pramatang PB eFD hanya boleh dibuat melalui PBe?

Ya, tertakluk pada peruntukan dalam “*Jadual 1*” Butiran 15 bersama-sama ini. Apabila pengeluaran pramatang PB eFD dibuat, amaun pokok dan faedah yang diperoleh daripadanya (jika ada), hendaklah secara automatik dikreditkan ke dalam CASA yang Ditetapkan yang dipilih semasa PB eFD dibuka. CASA yang Ditetapkan akan dirangkaikan kepada akaun PB eFD untuk tujuan peletakan, pengeluaran dan pengkreditan faedah.

17. Bolehkah saya membuat pengeluaran sebahagian daripada PB eFD saya?

Tidak boleh. Pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi PB eFD.

18. Apakah yang akan berlaku apabila pelanggan yang mempunyai PB eFD meninggal dunia?

Apabila Bank dimaklumkan mengenai kematian seseorang pelanggan, arahan berikutnya akan diminta daripada Pentadbir/Wasi harta pusaka pelanggan yang meninggal dunia itu untuk mengeluarkan dana daripada Pentadbir/Wasi secepat mungkin.

19. Bolehkah saya mengambil bahagian dalam kempen Deposit Tetap Public Bank melalui peletakan yang dibuat melalui PB eFD?

Kelayakan PB eFD untuk mengambil bahagian dalam kempen Deposit Tetap Bank tertakluk pada Terma dan Syarat kempen Deposit Tetap yang berkenaan.

20. Adakah saya akan menerima makluman daripada Public Bank apabila PB eFD diperbaharui?

Ya. Makluman akan dihantar melalui Sistem Mesej Dalaman (*Internal Messaging System*) apabila PB eFD diperbaharui.

21. Adakah saya akan menerima penyata bulanan dalam bentuk fizikal berhubung dengan PB eFD saya?

Tidak, tetapi e-penyata bulanan PB eFD itu boleh didapati dalam PBe.

22. Bagaimanakah saya boleh membuat pertanyaan baki mengenai PB eFD saya?

Anda boleh membuat pertanyaan baki melalui PBe.

23. Adakah PB eFD dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)?

Ya.

24. Bolehkah saya menggunakan peletakan dalam akaun PB eFD sebagai cagaran bagi tujuan pengakucagaran?

Tidak boleh.